

15/04/1999

Azizah bangga perjuangan suami

KUALA LUMPUR, Rabu - Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, tetap bangga walaupun suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman penjara enam tahun atas empat tuduhan rasuah.

Dr Wan Azizah yang membacakan kenyataan dengan nada sebak sebaik keluar dari Mahkamah Tinggi, tengah hari ini, berkata sungguhpun beliau dan anak-anaknya sedih kerana `kehilangan' Anwar, mereka sekeluarga tidak menyesal dan sudah dilatih untuk menghadapi perjuangan yang menuntut pengorbanan.

"Kami sekeluarga sedih kerana anak-anak kehilangan bapa tetapi tidak menyesal, sebaliknya bangga dengan prinsip yang beliau perjuangkan."

"Beliau tidak bersalah dan menjadi mangsa konspirasi politik yang diketuai Dr Mahathir (Datuk Seri)," katanya yang ditemani peguambela, Pawanche Marican.

Dr Wan Azizah yang keluar dari mahkamah kira-kira jam 12 tengah hari berkata, suaminya adalah seorang yang berani kerana mempertikaikan keputusan `menyelamat' yang dilakukan kerajaan.

Beliau mendakwa tindakan itu membabitkan berbilion wang rakyat untuk diserahkan kepada sanak saudara dan keluarga pihak tertentu.

Katanya, Anwar juga mendedahkan rasuah membabitkan pemimpin tertentu serta pembaziran wang rakyat.

"Sudah tentu jentera polis dan institusi kehakiman diperalatkan," katanya.

Selepas membaca kenyataan itu, Dr Wan Azizah diiringi anaknya menuju tebing Sungai Klang di belakang bangunan mahkamah dan melambai-lambaikan tangan kepada penyokongnya yang meluangkan `reformasi' di seberang sungai itu.

Sementara itu, bapa Anwar, Datuk Ibrahim Abdul Rahman, ketika ditemui di luar pekarangan mahkamah, berkata beliau akan berdoa untuk keselamatan anaknya.

"Kita masih ada Allah yang maha agung dan saya akan berdoa. Saya harap penyokong Anwar turut berdoa," katanya.

Ditanya adakah beliau mengharap anakanya dibebaskan apabila mengemukakan permohonan rayuan, Ibrahim berkata beliau akan berdoa.

(END)